

KERATAN AKHBAR

(Bahagian Canselori)

Surat khabar: Utusan Sarawak (Tempatan)

Hari/Tarikh: 15/3/2016

Muka surat: 4

Tajuk : UNIMAS pertama perkenal taska di S'wak



RASMI ... Fatimah Abdullah ketika merasmikan Taska UNIMAS yang turut diperhatikan oleh 'Prof Dato' Dr Mohamad Kadim Suaidi (kanan).

UNIMAS pertama perkenal taska di S'wak

KOTA SAMARAHAN: UNIMAS mencipta sejarah apabila dengan jayanya merasmikan penubuhan sebuah taska universiti semalam.

Ini sekali gus meletakkan UNIMAS sebagai universiti awam pertama di Sarawak yang menjadi perintis kepada usaha mewujudkan pusat jagaan kanak-kanak di tempat kerja.

Perasmian taska UNIMAS telah disempurnakan oleh Menteri Kebajikan, Wanita dan Pembangunan Keluarga, Datuk Hajah Fatimah Abdullah.

Inisiatif ke arah penubuhan Taska UNIMAS bermula sejak tahun 2001 iaitu bermula dengan penubuhan Tadika UNIMAS di kampus timur sebelum operasi tadika itu dihentikan pada

tahun 2012.

Bagaimanapun, penyiapan Pusat Islam Tun Abang Salahuddin (PITAS) pada tahun 2013 yang dirasmikan pada awal 2014 oleh Mantan TYT Yang di-Pertua Negeri Sarawak menyaksikan pembukaan semula operasi taska UNIMAS.

Sehingga kini di TASKA ini ada lebih kurang 9 orang bayi yang

berumur 0-12 bulan, 13 orang kanak-kanak berusia 1 hingga 2 tahun manakala selebihnya 30 orang kanak-kanak berusia 2-4 tahun.

Setelah dua tahun beroperasi, permintaan para ibu-bapa staf UNIMAS sangat menggalakkan, malahan ada yang perlu dimasukkan ke dalam senarai menunggu atau waiting list.

Disediakan oleh: Olivia Ajan
Bahagian Canselori